

KONSEP DAN APLIKASI NILAI SPIRITUAL DALAM PENGURUSAN BUDAYA KERJA ISLAM

CONCEPTS AND APPLICATIONS OF SPIRITUAL VALUES IN ISLAMIC WORK CULTURE MANAGEMENT

Solahuddin Abdul Hamid¹
Ahmad Zamil Ahmad Khalid²
Nor Azzuwal Kila³

¹ Professor Madya, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia.
Email: solah@uum.edu.my

² Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia.
Email: zamil@uum.edu.my

³ Calon Program Doktor Falsafah, Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia.
Berkhidmat sebagai guru di Sekolah Kebangsaan Dato' Wan Kemara Changloon Kedah.
Email: azwakila@yahoo.com

Article history

Received date : 22-9-2021
Revised date : 22-9-2021
Accepted date : 30-12-2021
Published date : 30-12-2021

To cite this document:

Hamid, S. A, Khalid, A. Z. A., Kila, N. A. (2021).
Konsep dan Aplikasi Nilai Spiritual Dalam Pengurusan
Budaya Kerja Islam. *Jurnal Penyelidikan Islam dan
Kontemporari (JOIRC)*, 4(9), 1 - 7.

Abstrak: Islam membimbing manusia mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Kehidupan dunia merupakan parameter kepada pencapaian di akhirat. Pekerjaan manusia bukan sahaja dinilai sebagai mekanisme asas untuk menetapkan upah dan pengiktirafan, malahan ia turut mencakupi pembalasan di akhirat kelak. Budaya kerja merupakan sebahagian daripada kerangka pembangunan ekonomi Islam yang bersifat komprehensif dan berbilang dimensi. Artikel ini membincangkan kesepaduan antara elemen spiritual seperti akidah, syariah dan akhlak dengan pembentukan budaya kerja. Kesepaduan ini berkeupayaan melahirkan personaliti yang bukan sahaja mengejar kemajuan diri sendiri, malahan turut melindungi kepentingan manusia dan alam sejagat. Berasaskan analisis terhadap ayat-ayat al-Quran, Hadith dan pandangan sarjana Islam, nilai spiritual yang difahami dan diamalkan berdasarkan ilmu yang ditafsirkan dengan cara yang sewajarnya berkeupayaan membentuk budaya kerja yang cemerlang. Dalam melakukan sebarang pekerjaan, manusia bebas bertingka-laku dan membuat pilihan berdasarkan daya taakulan serta ilmu yang dimilikinya selagi ia tidak terkeluar daripada lingkungan nilai-nilai qat'i yang ditetapkan oleh Allah S.W.T

Kata kunci: Nilai Spiritual, Budaya Kerja Islam, Akidah, Syariah Dan Akhlak

Abstract: Islam guides the human being to achieve happiness in this world and the hereafter. The life of the world is a parameter to achievement in the hereafter. Human as an active agent of development. Their work is not only assessed as a fundamental mechanism for the setting of wage boundaries and recognition, but it also includes retaliation in the hereafter. Work culture is part of a comprehensive and multi-dimensional Islamic economic development as well as qualitative and quantitative. This article discusses integrated between the spiritual elements such as akidah, syariah and akhlaq thoroughly with the establishment of working culture to

create a personality who not only pursue self-development, but also to protect the interests of man and the universe. Based on the analysis of the verses of the Quran, Hadith and Islamic scholars' views, the spiritual values understood and practiced based on knowledge are interpreted in a manner that is reasonably capable of forming a brilliant work culture. In doing any work, people are free to behave and make choices based on their reasoning and knowledge as long as they are not excluded from the environment of qat'i values set by Allah S.W.T

Keywords: *Spiritual Values, Islamic Working Culture, Aqeedah, Shariah And Akhlaq*

Pengenalan

Allah S.W.T telah mengisi hati manusia dengan sifat gemar bekerja. Fitrah ini adalah bertepatan dengan saranan agama yang sentiasa selari dengan keperluan dan sifat kejadian mereka. Sebagai khalifah (*al-Baqarah* (2):30) manusia seharusnya menggunakan kekuatan akal dan fizikal yang dikurniakan untuk membangun serta memajukan alam hingga ke peringkat semaksima mungkin manakala sebagai hamba (*al-Dharyat* (51):56) kebebasan bertindak adalah terhad dan tertakluk kepada sempadan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. Justeru, manusia perlu mengimbangi dualistik peranan dan tanggungjawab besar tersebut supaya tidak terperangkap dalam belenggu asetisisme mutlak atau terlepas bebas dengan materialisme sepenuhnya. Untuk itu, manusia memerlukan nilai spiritual yang juga bersifat dualistik bagi menterjemahkan kedua-dua tanggungjawab tersebut dengan seimbang dan berkesan dalam kehidupan seharian mereka.

Ulasan Karya

Ibn Khaldun (*t.t.*) menjelaskan, perolehan keperluan hidup seseorang bergantung kepada keinginan dan usahanya untuk mendapatkan segala sesuatu yang berasal daripada Allah S.W.T (*al-'Ankabut* (29):17). Walau bagaimanapun, keperluan tersebut hanya diperolehi melalui usaha. Oleh itu, kerja dianggap sebagai suatu modal tulen yang tidak boleh dicari tetapi merupakan nilai yang dapat ditimbulkan daripada diri manusia sendiri. Al-Quran juga secara konsisten telah menggunakan terminologi '*amal* (عمل) dan *al-kasb* (الكسب) yang merujuk kepada tema kerja telah sebanyak 371 kali di dalam al-Qur'an melalui 86 surah (Sadiq Mahdi al-Sa'id, 1983). Aktiviti pekerjaan yang dilakukan adalah bagi memenuhi keperluan manusia pengguna kerana ia adalah sebagai wasilah manusia untuk memakmurkan bumi dan jalan untuk memperolehi nikmat Allah S.W.T.

Dalam konteks kerangka pemikiran ekonomi Islam moden, 'Abd al-Rahman Yusra Ahmad (2007) mendefinisikan istilah kerja meliputi keseluruhan pekerjaan manusia kerana dunia dan akhirat. Antaranya aktiviti pengeluaran sama ada yang dilakukan secara individu atau berkumpulan bagi menghasilkan barangan keperluan dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan individu atau masyarakat. Manakala al-Qaradhawi (2001) memperincikan aktiviti tersebut sebagai satu usaha manusia secara sedar sama ada secara individu atau beramai-ramai bagi menghasilkan barangan atau memberi perkhidmatan. Selain daripada sebagai mekanisme untuk membasmi kemiskinan, kerja merupakan faktor utama dalam membantu manusia melaksanakan tugas mereka sebagai khalifah. Sadiq Mahdi al-Sa'id (1983) pula mendefinisikan kerja kepada aktiviti spiritual, himpunan tingkahlaku dan aktiviti ekonomi. Manakala dalam konteks ekonomi Islam, kerja merupakan kesungguhan anggota badan dan akal yang dicurahkan oleh manusia dengan menggunakan sumber-sumber semulajadi bagi mendapatkan rezeki melalui penghasilan perkhidmatan atau barangan keperluan untuk memenuhi keperluan hidup.

Justeru, kerja merupakan asas utama bagi setiap individu atau masyarakat untuk mendapatkan habuan yang lebih atau kurang daripada kadar keperluan hidup mereka. Setiap individu berkewajipan melaksanakannya sesuai dengan kemampuan diri asalkan ia adalah hasil usaha sendiri yang sah dan halal menurut Syarak. Tidak terdapat ukuran maksimum atau minimum yang ditentukan. Islam lebih mementingkan kesederhanaan dalam memenuhi keperluan tersebut di samping menentang keras budaya pengangguran dan amalan hidup yang hanya memakan keringat orang lain (Muhammad Baqir al-Sadr, 1968 dan al-Qaradhawi, 2001).

Manakala konsep dan nilai spiritual Islam dipancarkan melalui dua sumber utama iaitu al-Quran dan Hadith. Dari sudut ontologi, martabat kewujudan kedua-dua sumber ini adalah terpisah, tetapi dari sudut ilmu pengetahuan kedua-duanya tidak dapat dipisahkan. Sekurang-kurangnya tiga prinsip asas yang perlu menjadi pedoman kepada setiap ahli hukum Islam dalam usaha mereka membuat sesuatu kesimpulan berasaskan al-Quran dan Hadith iaitu tidak bersifat menyusahkan, sentiasa mengambilkira kepentingan dan kebajikan umum serta menegakkan keadilan (Fathi Ridwan, 1966). Prinsip-prinsip yang berpaksikan kepada agama wahyu ini menjadikan konsep dan nilai spiritual Islam bersifat holistik, sempurna dan sentiasa sesuai untuk setiap masa dan tempat.

Metodologi

Artikel ini bertujuan untuk menganalisis mengenai konsep dan aplikasi nilai dalam pengurusan budaya kerja berdasarkan perspektif Islam. Huraian kerangka pemikiran dan perbincangan berbentuk teoretikal dan konseptual ini menggunakan data-data sekunder hasil penulisan intelektual Islam dan Barat dengan meletakkan piawaian yang telah ditetapkan oleh al-Quran dan Hadith sebagai asas. Data-data berbentuk kualitatif ini dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan dengan dikumpul, disaring, disusun dan ditafsirkan selari dengan tema dan objektif kajian yang telah dibentuk.

Perbincangan

Sebagai agama yang syumul, Islam memberi perhatian yang besar kepada kerja (*al-Sharh* (94):7). Kerja bukan sahaja merupakan punca pendapatan individu dalam memenuhi keperluan asas diri, keluarga dan masyarakat sekeliling serta menggerakkan pembangunan. Malahan ia juga merupakan sebahagian daripada *taklif* agama serta sebagai jalan mendapatkan perbezaan kurniaan Allah S.W.T terhadap hamba-hamba-Nya. Manusia yang menyendiri, pemalas dan tidak bertenaga tidak akan dapat mengambil manfaat daripada kurniaan Allah S.W.T dan agama, malahan agama juga tidak mendapat manfaat daripadanya. Riyadh Salih 'Awdah (2005) menyatakan pekerjaan bukan sahaja sebagai mekanisme asas untuk menilai sempadan upah di dunia, malah ia turut mencakupi pembalasan di akhirat kelak.

Huraian konsep dan nilai spiritual Islam dalam pengurusan budaya kerja ini diklasifikasikan kepada tiga teras utama iaitu akidah sebagai asas yang menjadi pegangan hidup, syariah sebagai amalan hidup yang mencorakkan tingkah laku dan akhlak sebagai etika hidup yang juga sebagai manifestasi daripada akidah yang jelas dan syariah yang mantap.

Akidah Sebagai Asas

Pada prinsipnya, tasawur Islam menetapkan bahawa Allah S.W.T adalah pemilik harta yang mutlak (*al-Baqarah* (2):22). Sebagai hamba dan khalifah-Nya, manusia hanya sekadar pemegang amanah (*al-Hadid* (57):7) yang perlu berusaha berdasarkan batas kemampuan tertentu untuk memenuhi keinginan dan keperluan hidup, manakala penggunaannya pula merupakan satu ujian bagi mereka (*al-Hijr* (15):19, *al-Hadid* (57):25, *al-Nahl* (16):5-18, 68-69

dan Yasin (36):71-73). Pembangunan ekonomi dan harta bukan sebagai matlamat utama (*al-An'am* (6):32, *Ibrahim* (14):3, *al-Nahl* (16):107, *al-Qiyamah* (75):20-21 dan *al-'Adiyat* (100):8). Sebaliknya, jawatan dan harta hanyalah sekadar penolong kepada manusia untuk berkhidmat kepada akidah dan risalahnya, sebahagian daripada fitrah dan keperluan manusia untuk meneruskan kelangsungan hidup mereka serta sebagai wasilah mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. Manakala pengabdian kepada-Nya serta memahami konsep dan mengaplikasikan nilai spiritual Islam akan memandu manusia ke arah mencapai kecemerlangan yang mutlak.

Konsep dan aplikasi nilai spiritual dalam budaya kerja ini juga telah dimanifestasikan secara konsisten dalam al-Quran apabila terminologi "*rizq*" dan pecahannya telah diulang lebih daripada seratus dua puluh kali dengan hampir keseluruhannya menyandarkan kepada Allah S.W.T sebagai "*al-Razzaq*" iaitu Pemberi rezeki (*al-Nahl* (16):81, *al-Hud* (11):6, *al-'Ankabut* (29):60, *al-Mulk* (67):15, *Taha* (20):53-54 dan *al-A'raf* (7):10). Kekerapan pengulangan bersama sandaran secara konsisten ini adalah sebagai peringatan kepada manusia supaya sentiasa mengambil iktibar bahawa perkara yang menjadi asas dalam kehidupan mereka sentiasa mempunyai pertalian yang rapat dengan Pencipta alam ini. Memandangkan manusia bukanlah pemilik mutlak harta yang diusahakan dan dimiliki, maka mereka perlu beriman kepada Allah S.W.T yang Maha Berkuasa dalam mencipta dan menurunkan bantuan tersebut tanpa mengira lemah atau kuatnya mereka bekerja (*al-'Ankabut* (29):62).

Syariah Sebagai Cara Hidup

Syariah Islam yang syumul mengiktiraf fitrah manusia yang berkeinginan untuk berkerjaya dan mengumpul harta. Adalah menjadi satu kewajipan ke atas setiap umat Islam yang berusaha memenuhi pelbagai keinginan mereka dan mencari keperluan hidup mengetahui dan mengamalkan Syariat dan undang-undang yang mengawal tanpa mengira jenis pekerjaan yang dilakukan oleh mereka.

Konsep ibadat dalam Islam adalah berbeza dengan agama lain. Apabila tujuan hidup adalah mengabdikan diri kepada Allah S.W.T secara sukarela, maka seluruh tindakan harus dilakukan sebagai tindakan pengabdian semata-mata, iaitu dilakukan dengan bersungguh-sungguh selari dengan sebahagian daripada perancangan universal Allah S.W.T (Muhammad Asad, 1982 dan Syed Muhammad al-Naquib al-Attas, 1976). Berdasarkan kepada doktrin tersebut, berbakti kepada manusia bukan penghujung segala-galanya kepada pekerja Islam. Sebagai sistem yang berpaksikan kepada tauhid, ukuran mutlak kejayaan mereka tidak terbatas kepada tahap kepuasan diri, majikan dan pelanggan semata-mata, tetapi turut merangkumi keredaan Allah S.W.T terhadap pekerjaan yang telah dilakukan. Secara umumnya, firman Allah S.W.T yang bermaksud "*serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat)*" (*al-Juma'ah* (62):10) tidak bermaksud menghabiskan masa dengan ibadat khusus semata-mata, sebaliknya mengamalkan cara hidup yang lebih bertanggungjawab berdasarkan norma-norma Islam dalam segala urusan kehidupan (Ibn Kathir, t.t. dan Muhammad Umar Chapra, 1979).

Akhlaq Sebagai Etika Hidup


Tanpa etika yang mengawal kehidupan, pembangunan manusia menjadi tidak lengkap. Walaupun kebanyakan ahli ekonomi konvensional berpendapat persoalan akhlak dan etika adalah masalah peribadi yang tiada kaitan dengan prestasi ekonomi sesebuah masyarakat atau negara, namun umat Islam seharusnya mengiktiraf bahawa sedikit sebanyak kegawatan ekonomi yang berlaku memang ada kaitannya dengan tingkahlaku manusia (Haron Din, 1999). Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“(Balasan) yang demikian itu, ialah kerana sesungguhnya Allah tidak akan mengubah sesuatu nikmat yang telah dikurniakanNya kepada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri”
(al-Anfal (8):53)

Sayyid Qutb (1992) menjelaskan ayat ini adalah gambaran keadilan Allah S.W.T dalam melayani hamba-hamba-Nya. Segala nikmat yang telah dikurniakan tidak akan dirampas kembali kecuali sesudah mereka mengubah niat, tingkahlaku dan kedudukan mereka. Tindakan tersebut mewajarkan Allah S.W.T bertindak mengubah nikmat yang juga merupakan sebagai ujian kerana mereka tidak bersyukur kepada Allah S.W.T dan memuliakan nikmat tersebut.

Kesepaduan Antara Nilai Spiritual dan Pengurusan Budaya Kerja Islam

Fungsi sebagai hamba dan khalifah Allah S.W.T memerlukan mereka berikhtiar serta mengimbangi antara memenuhi keperluan fizikal dan rohani dalam kehidupan seharian. Kesepaduan yang wujud ini merupakan tenaga penggerak dalaman utama yang mencetus dan menggerakkan kesatuan potensi mental dan fizikal manusia ke arah melaksanakan seluruh perintah Allah S.W.T. dalam kehidupannya yang merangkumi soal pembinaan diri, masyarakat dan negara (al-Faruqi, 1992). Dalam erti kata lain, pembentukan budaya kerja cemerlang seharusnya turut merangkumi proses meninggikan darjat kemuliaan manusia dalam sesebuah masyarakat secara menyeluruh sama ada dalam aspek kebendaan atau kerohanian. Dalam konteks kehidupan yang lebih luas pula, manusia juga mampu mencapai tahap kesempurnaan hidupnya dengan menguruskan segala kemungkinan yang ada. Bagi memudahkan pemahaman, pengkaji telah meringkaskan huraian penghayatan agama sebagai asas pembentukan budaya kerja dalam Islam seperti di dalam rajah 1 di sebelah:



Rajah 1: Model Hubungan Antara Spiritual Islam dengan Pembentukan Budaya Kerja

Umat Islam bekerja bukan sekadar memenuhi keinginan, meningkatkan mobiliti dan taraf hidup diri, keluarga, masyarakat atau bangsa dan negara, malahan semua elemen tersebut terangkum sebagai menunaikan amanah Allah S.W.T di bumi. Dorongan bersifat spiritual ini akan mendorong manusia melakukan sesuatu pekerjaan tanpa dipaksa. Mereka bekerja dengan dorongan semangat dari dalam, iaitu mempercayai Allah S.W.T dan risalah-Nya serta memahami tugas dan kewajipan mereka untuk memakmurkan bumi dan menguasai alam. Budaya kerja Islam yang juga merupakan peningkatan fungsi *infaq* seharusnya memotivasikan umat Islam untuk berusaha lebih kuat bagi memperolehi seberapa banyak pendapatan yang mampu untuk dibelanjakan mengikut keperluan diri, keluarga serta membantu ahli masyarakat yang kurang bernasib baik melalui zakat dan sedekah dan sebagainya.

Rumusan

Berdasarkan perbincangan sebelum ini, jelas bahawa Islam telah menawarkan konsep budaya kerja yang bersifat holistik konsep dan sifatnya. Pembentukan budaya kerja dalam Islam lebih menekankan kepada konsep kesejahteraan hidup manusia (*al-falah*), kehidupan yang baik (*hayat tayyibah*), mementingkan persaudaraan (*ukhuwwah*) dan keadilan sosio-ekonomi (*'adalah*) serta kepuasan yang seimbang (*qana'ah*) dalam dimensi kebendaan dan kerohanian. Maka, syarat utama bagi melaksanakan pembangunan budaya kerja ialah syarat *ma'nawi* dan bukannya *madi*, tetapi kedua-duanya perlu bergerak secara bersepadu dalam segenap aspek. Manakala, rangka kerjanya mencakupi skala waktu yang panjang merangkumi kehidupan di dunia dan di akhirat agar pada kedua-dua waktu itu manusia mencapai kebahagiaan. Selari dengan itu, Syariat Islam telah mengemukakan satu konsep pencapaian kesempurnaan manusia di dunia tanpa menafikan keperluan jasmani serta tidak menjanjikan rangkaian kelahiran yang terus-menerus terhadap kemajuan yang lebih tinggi. Konsep ini tidak bersetuju bahawa kesempurnaan dan perlindungan hanya dapat dicapai melalui pemusnahan hubungan antara emosi individu dengan dunia. Islam membimbing manusia mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Walaupun kebahagiaan dunia bersifat sementara, tetapi ia merupakan parameter kepada pencapaian di akhirat memandangkan dunia adalah ibarat ladang tempat bercucuk tanam untuk memetik hasilnya di akhirat. Kehidupan dunia tidak bererti tanpa kehidupan akhirat sebab tidak kekal, namun kehidupan akhirat juga tidak dapat dicapai tanpa melalui kehidupan di dunia terlebih dahulu.

Rujukan

- Ahmad, A. R.Y. (2007). *Ilm al-Iqtisad al-Islami*. Iskandariah: Dar al Jami'iyah.
- Asad, M. (1982). *Islam at the Crossroad*. c. 14, Gibraltar: Dar al-Andalus.
- al-Attas, S. M. N. (1976). *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. c. 1. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Chapra, M. U. (1979). *Objectives of the Islamic Economic Order*. Leicester: The Islamic Foundation.
- Din, H. (1999). Kegawatan Ekonomi Sekarang Hubungkaitnya Dengan Amalan Bisnes dan Sistem Ekonomi Yang diamalkan. Dalam Abd Jalal bin Basimi (eds.) *Islam*
- al-Faruqi, I. R. (1992). *al-Tawhid: Its Implications for Thought and Life*. c. 2. Virginia, U.S.A: International Institute of Islamic Thought.
- Ibn Khaldun (t.t.). *al-Muqaddimah*. Kaherah: Dar al-Sha'b.
- Ibn Kathir, I. U. K. (t.t.). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi. dan Bisnes. j. 1. Johor Bahru: Perbadanan Johor.
- al-Qaradawi, Y. (2001). *Dawr al-Qiyam wa-al-Akhlaq fi al-Iqtisad al-Islami*. c. 2. Kaherah: Maktabah Wahbab.
- Qutb, S. (1992). *Fi Zilal al-Qur'an*. j. 3. c. 17, Beirut: Dar al-Shuruq.

- Ridwan, F. (1966). *Falsafah al-Tashri'*. Kaherah: al-Majlis al-A'la al-Shu'un al-Islamiyyah.
- al-Sadr, M. B. (1968). *Iqtisaduna*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Sa'id, S. M. (1983). *Mafhum al-'Amal wa Ahkamuh al-'Ammah fi al-Islam*. Baghdad: Matba'ah Muassasah al-Thaqafah al-'Amaliyyah.